



RAJA PERLIS RASMI KOLEJ KEDIAMAN TUANKU TENGGU FAUZIAH UniMAP

Dien : Ainulniza Mohd Yusof

Pauh Putra, 22 September – Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail berkenan mencemar duli menyempurnakan perasmian kolej kediaman baharu Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) di Kampus Telap UniMAP di sini. Kolej kediaman baharu yang dibina pada 6 Disember 2013 dan siap pada 5 Jun 2016 itu turut dimasyhurkan dengan nama Kolej Kediaman Tuanku Tengku Fauziah sempena nama Raja Perempuan Perlis.

Kolej kediaman yang dibina menerusi Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) menerusi syarikat konsesi Budaya Positif Sdn Bhd itu mampu menampung sehingga 4,000 pelajar yang terdiri daripada pelajar yang mengikuti pengajian di dalam kampus tetap universiti berkenaan.

Lebih menarik, terdapat 16 unit khas untuk pelajar Orang Kelainan Upaya (OKU) daripada 480 unit rumah di kolej itu yang mempunyai ciri-ciri seperti 'table top' lebih rendah dan ruang bilik air juga lebih besar daripada bilik air biasa. Selain itu, semua suis dan soket bagi unit OKU diletakkan pada aras 1.00 meter daripada aras lantai serta blok yang menempatkan unit OKU dihubungkan dengan 'ramp' manakala setiap unit ini hampir tidak mempunyai bendul antara pintu masuk dan lantai koridor.

Berkenan berangkat sama ke majlis perasmian itu ialah Raja Perempuan Perlis Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid, Raja Muda Perlis yang juga Canselor UniMAP Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil merangkap Pro Canselor UniMAP Turut hadir Menteri Besar Perlis Datuk Seri Azlan Man, Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan Kementerian Pendidikan Malaysia, Dato' Kamel Mohamad mewakili Menteri Pendidikan, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Dato' Mohd Sofi Osman dan Naib Canselor UniMAP Dato' Prof Dr Zul Azhar Zahid Jamal serta pengurusan tertinggi UniMAP.

